

e-Buletin

UNIT PSV JSS IPGM KTI


BENGKEL CANTING BATIK

5 OKTOBER 2023 - Kompleks Kraf Johor telah menjemput Jabatan Sains Sosial Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim bagi menjayakan 'Bengkel Canting Batik'. Program ini telah disertai oleh 4 orang pelajar Pendidikan Seni Visual Ambilan Jun 2022/2027 dan 4 orang pelajar Pendidikan Seni Visual Ambilan Jun 2023/2028.



BENGKEL CANTING BATIK

Program ini telah memberi peluang kepada pelajar terutamanya pelajar daripada Sabah dan Sarawak bagi memanfaatkan masa mereka dengan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mengenai pembuatan batik canting.



APAKAH ITU BATIK?

Batik merujuk kepada satu bidang kraftangan tradisional yang unggul di Malaysia. Antara teknik batik yang biasa dihasilkan ialah Batik Blok, Batik Skrin, dan Batik Canting yang sangat popular di Malaysia.

BATIK CANTING

Program ini telah banyak mendedahkan kepada siswa/i tentang pembuatan batik canting secara percuma di mana segala bahan dan peralatan telah lengkap disediakan oleh pihak Kompleks Kraf Johor.

Hasil akhir batik canting pelajar yang telah dihasilkan dengan gabungan motif fauna dan flora yang menggunakan warna yang terang.

Batik Canting merujuk kepada batik yang dihasilkan melalui hasil lakaran bebas motif-motif berunsurkan corak tumbuh-tumbuhan, bunga dan fauna seperti ikan serta corak-corsk moden yang abstrak.

